

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1Jld 2(8)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 08 TAHUN 2015**

Tarikh : 26 Ogos 2015 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi hingga 12.15 tengah hari
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2,
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan
Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 5. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 6. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 7. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 8. | Encik Loka Ng Sai Kai | - | " |
| 9. | Encik Michael Noel Jalleh | - | " |
| 10. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 11. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |

- | | | | |
|-----|--|---|---|
| 12. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 13. | Encik Wan Hock Leong | - | " |
| 14. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 15. | Puan Norzaihan binti Ismail | - | " |
| 16. | Encik Jaber bin Ami | - | " |
| 17. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | " |
| 18. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 19. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo | - | " |
| 20. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 21. | Encik Tan Pang Yeow | - | " |
| 22. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |
| 23. | Puan Kavitha a/p Chandragesan | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|----------------------|---|-------------|
| 1. | Ir. Izham bin Hashim | - | Ahli Majlis |
|----|----------------------|---|-------------|

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Mohd Basar
Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
3. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
4. Encik Mohd Fadzil bin Mahat
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
5. Encik Ismail bin Muhamad
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
6. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
7. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
8. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
9. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Kesihatan
10. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
11. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj Kamari
Pengarah, Jabatan Bangunan
12. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Pengarah, Jabatan Pelesenan
13. Encik Fadzli bin Zubi
Pengarah, Jabatan OSC

14. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pegawai Integriti, Unit Integriti
15. Puan Noraziah binti Ali
Pengarah, Bahagian Audit Dalam
16. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
17. Puan Satinah binti Safirol
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB
18. Encik Samzol bin Saat
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Teknologi Maklumat
19. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
20. Puan Aida binti Omar
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
21. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
22. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
23. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
24. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
25. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
26. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
27. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

28. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
29. Puan Rohana binti Ramli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
30. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
31. Encik Saipudin bin Sulaiman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
32. Encik Samsudin bin Ayob
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
33. Cik Helda Syima binti Abu Talab
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
34. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
35. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
36. Puan Jaswani Nazmi binti Jamaluddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
37. Puan Asmidar binti Shaarin
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
38. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
39. Encik Mohd Saidi bin Alang
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
40. Cik Adibah binti Abdullah
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
41. Puan Nadia binti Abu Baharin
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta

42. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
43. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
44. Puan Noraini binti Nazaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
45. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
46. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
47. Puan Azian binti Ropie
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
48. Puan Marhaini binti Mohd Sukaime
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
49. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
50. Puan Mimi Zareena binti Md Nor
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
51. Dr. Muhammad Khairin bin Zamauri
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
52. Puan Mazlina binti Mustafa
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
53. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
54. Puan Nor Najihah binti Sukor
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
55. Encik Mohamad Junus bin Baharom
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik

56. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
57. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
58. Encik Muhammad Iskandar Z bin Azmi
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
59. Encik Muhammad Aliff bin Abd Rani
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
60. Encik Muhsin bin Izhar Hisham
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang

URUSETIA

1. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Faizah binti Mazenan
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 UCAPAN PENGERUSI

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 08/2015 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

2.1 MAJLIS UPACARA PECAH TANAH BAGI PROJEK RUMAH MAMPU MILIK (RUMAH SELANGORKU) DI TAMAN PUCHONG PRIMA

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah mengadakan *Program Majlis Upacara Pecah Tanah Bagi Projek Pembangunan 408 Unit Rumah Mampu Milik (Rumah Selangorku) Taman Puchong Prima, Puchong* pada **25 Ogos 2015 (Selasa)**, jam 3.00 petang bertempat di Jalan Prima 7/1, Taman Puchong Prima, Puchong, Selangor Darul Ehsan.

Majlis ini telah disempurnakan oleh **YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan**, Yang Dipertua MPSJ.

Program ini turut dihadiri oleh tetamu kehormat **Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail, ADUN Sri Serdang** dan **YBhg. General Tan Sri Ismail bin Hassan(R), Pengerusi Lembaga Pengarah Mitrajaya Holdings Bhd.**

Pihak Majlis merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam menjayakan program ini.

2.2 ANUGERAH PENIAGA CONTOH BAZAR RAMADAN MPSJ 2015 SEMPENA KEMPEN SAYANGI BUMI KITA

Selaras dengan pelaksanaan **Pelan Bandar Hijau MPSJ 2030**, pihak Majlis telah mengambil inisiatif menjadikan Bazar Ramadan sebagai platform untuk melaksanakan program Inisiatif Hijau dengan mengadakan **Kempen Sayangi Bumi Kita – Bawa Bekas Sendiri Ke Bazar Ramadan dan Katakan Tidak Pada Styrofoam / Polystyrene**. Objektif kempen adalah ke arah mengurangkan penggunaan plastik dan *styrofoam / polystyrene* di dalam transaksi jual beli disamping mengumpul minyak masak terpakai di kalangan peniaga. Tahun 2015 merupakan medan terbaik di dalam usaha memperkasakan lagi inisiatif hijau yang telah dilaksanakan di Perbandaran Subang Jaya.

Memandangkan peranan Peniaga Bazar Ramadan sangat penting di dalam melaksanakan dan memastikan inisiatif hijau ini berjalan dengan baik dan berkesan, pihak majlis buat julung-julung kalinya telah memperkenalkan **Anugerah Peniaga Contoh Bazar Ramadan MPSJ 2015**. Anugerah ini diperkenalkan bagi mengiktiraf peniaga yang memberikan komitmen yang tidak berbelah bagi di dalam mengamalkan amalan terbaik pengendalian makanan dan mendokong aspirasi hijau MPSJ di dalam perniagaan.

Sesi majlis penyampaian hadiah kepada Peniaga Contoh Bazar Ramadan MPSJ 2015 telah diadakan pada pagi ini, **26 Ogos 2015 (Rabu)** bertempat di **Bilik Mesyuarat Kenanga, MPSJ**.

Untuk makluman, seramai enam (6) orang peniaga telah dipilih sebagai Peniaga Contoh Bazar Ramadan MPSJ 2015. Peniaga-peniaga yang dipilih sebagai Peniaga Contoh perlu menepati kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh pihak Majlis. Antara kriteria / kaedah penilaian terpenting adalah perlulah bebas dari tindakan penguatkuasaan semasa menjalankan perniagaan di tapak, mencapai penarafan gred A sewaktu pemeriksaan oleh Jabatan Kesihatan dan menyahut cabaran MPSJ melaksanakan inisiatif hijau selain dari bebas menggunakan plastik, *styrofoam* atau *polystyrene*. Peniaga-peniaga juga perlu mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis ketika

menjalankan perniagaan sepanjang Bulan Ramadan sekaligus membawa imej MPSJ yang terbaik kepada pelanggan.

Insentif kepada Peniaga Contoh Bazar Ramadan MPSJ 2015 yang telah terpilih seperti akan menerima Sijil Penghargaan dan wang tunai RM 300 setiap seorang. Insentif tambahan, Peniaga Contoh boleh membuat pilihan lokasi & petak tanpa melalui sesi undian petak di Bazar Ramadan MPSJ 2016 dan borang permohonan Bazar Ramadan 2016 akan di pos kepada Peniaga Contoh (tidak perlu beratur untuk mendapatkan borang permohonan untuk Bazar Ramadan 2016).

2.3 PROGRAM JOM KONVOI MPSJ 2015

Pada **28 Ogos 2015 - 31 Ogos 2015 (Jumaat – Isnin)** ini akan berlangsungnya **Program Jom Konvoi MPSJ 2015 – Belia Madani Cegah Jenayah Dan Keselamatan Jalan Raya**. Program bermotosikal yang akan disertai hampir 80 orang peserta yang terdiri daripada belia-belie sekitar kawasan pentadbiran MPSJ ini akan bermotosikal dari Subang Jaya ke Cameron Highlands, Pahang dan seterusnya ke Tapah, Perak dan meneruskan perjalanan pulang ke Subang Jaya. Perjalanan bermotosikal hampir 800 km ini akan menguji ketahanan fizikal dan mental peserta kerana terdapat pelbagai program dan aktiviti yang menanti mereka di sepanjang perjalanan.

Program anjuran bersama MPSJ dan IM4U ini juga telah mendapat kerjasama baik daripada pelbagai agensi kerajaan seperti pihak PDRM, Jabatan Keselamatan Jalanraya (JKJR Negeri Selangor), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Majlis Daerah Cameron Highlands dan Majlis Daerah Tapah. Manakala penaja Program Jom Konvoi MPSJ 2015 adalah Mamee, Bank Rakyat, IOI Properties, Mydin, The Summit USJ dan Putra Bikers.

Majlis penutup Program Jom Konvoi MPSJ 2015 akan diadakan pada **31 Ogos 2015 (Isnin)**, jam 4.00 petang bertempat di **Kompleks Membeli Belah The Summit USJ**.

2.4 MAJLIS SAMBUTAN KEMERDEKAAN KE-58 DAN HARI MALAYSIA PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2015

Majlis Sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia Ke-58 Dan Hari Malaysia Peringkat Negeri Selangor Tahun 2015 akan diadakan pada:

Tarikh : 30 Ogos 2015 (Ahad)
Masa : 8.30 Malam
Tempat : Dataran Kemerdekaan, Shah Alam

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya turut menghantar kontinjen bagi menyertai acara Perbarisan dan Perarakan Kemerdekaan.

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dipelawa untuk bersama-sama menghadiri majlis sambutan hari kemerdekaan dan hari Malaysia peringkat Negeri Selangor ini.

2.5 LARIAN SJ 10KM MPSJ 2015

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya bakal meneruskan penganjuran acara **Larian SJ 10KM MPSJ 2015** pada;

Tarikh : 20 September 2015 (Ahad)
Masa : 6.00 Pagi – 12.00 Tengah Hari
Tempat : Kompleks Sukan MPSJ, Subang Jaya

Acara Larian SJ 10KM MPSJ merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh pihak Majlis dan acara ini mendapat penyertaan yang amat menggalakkan daripada orang ramai dan penduduk di sekitar kawasan pentadbiran MPSJ khususnya dan penduduk di kawasan Lembah Klang amnya.

Objektif penganjuran program seumpama ini secara tidak langsung dapat membantu golongan remaja, belia dan veteran untuk mengamalkan gaya hidup sihat dan menarik minat mereka untuk penglibatan dalam aktiviti kesukanan dan riadah yang bermanfaat. Selain itu, ia juga dapat mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan penduduk di kawasan pentadbiran MPSJ dengan pihak Majlis.

Pihak Majlis amat berbesar hati kerana penganjuran acara Larian SJ 10KM MPSJ pada tahun ini telah mendapat sumbangan penajaan sebanyak RM10,000.00 daripada **Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan, ADUN Subang Jaya.**

Kategori dan Yuran Penyertaan:

BIL	YURAN PENDAF-TARAN	KATEGORI		UMUR	JARAK
1.	RM 32.00	A	Lelaki Terbuka	18 - 39 tahun	10km
2.	RM 32.00	B	Wanita Terbuka	18 - 35 tahun	10km
3.	RM 53.00	C	Lelaki Terbuka (Antarabangsa)	18 - 39 tahun	10km
4.	RM 53.00	D	Wanita Terbuka (Antarabangsa)	18 - 35 tahun	10km
5.	RM 32.00	E	Lelaki Junior Veteran	40 - 50 tahun	10km
6.	RM 32.00	F	Wanita Veteran	Melebihi 36 tahun	7km
7.	RM 32.00	G	Lelaki Senior Veteran	Melebihi 51 tahun	7km
8.	RM 32.00	H	Lelaki Remaja	13 - 17 tahun	7km
9.	RM 32.00	I	Perempuan Remaja	13 - 17 tahun	7km
10.	PERCUMA	J/K	OKU - Kerusi Roda	Terbuka	5km
11.	PERCUMA	L/M	OKU - Akal	Terbuka	5km
12.	RM 22.00	N	Sekolah Rendah (L)	9 - 12 tahun	3km
13.	RM 22.00	O	Sekolah Rendah (P)	9 - 12 tahun	3km
14.	RM106.00 / 4 orang	P	Fun Run	Terbuka	3km
15.	RM 106.00 / 4 orang	Q	Family Run	Terbuka	3km

Sasaran Penyertaan;

Pihak Majlis mensasarkan penyertaan seramai 4,000 orang peserta yang akan menyertai acara ini dalam pelbagai kategori larian yang dipertandingkan.

Rakan Media;

SJ Echo

Penaja;

- i. Pejabat ADUN Subang Jaya
- ii. Minuman Isotonik 100 Plus
- iii. Persatuan Olahraga Amatur Selangor (POAS)
- iv. Hoe Huat – Home Appliances Store
- v. Sport Direct.Com
- vi. KPMC Puchong
- vii. Gardenia Bakeries
- viii. My Race Online

2.6 LAPORAN DEMAM DENGGI

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga **Minggu Epid 33** (iaitu sehingga **22 Ogos 2015**) adalah sebanyak **7642 kes denggi** telah dilaporkan di kawasan MPSJ.

Sehubungan itu, dalam memerangi kes denggi ini adalah menjadi harapan pihak Majlis agar penduduk perlu memastikan kawasan premis masing-masing bebas dari tempat-tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan **Kempen 10 Minit** dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 07/2015 BERTARIKH 29 JULAI 2015.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 07/2015 bertarikh 29 Julai 2015 telah disahkan tanpa pindaan.

4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

4.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 06/2015 Bertarikh 04 Ogos 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Bahagian Audit Dalam

4.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 05/2015 Bertarikh 04 Ogos 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

4.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 15/2015 Bertarikh 05 Ogos 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 7.1 (ii) (3) m.s 79	Puan Norzaihan binti Ismail	Millennium Land Sdn. Bhd.	<p>Beliau memohon pihak Majlis mengkaji semula syarat-syarat kelulusan permohonan pindaan pelan bangunan yang telah diluluskan bagi Cadangan Pembangunan Sebuah Bangunan Perdagangan 26 Tingkat Di Atas Parcel A, Sebahagian Lot P.T. 1 (Lot 5252), Taman Desa Millennia, Puchong, Mukim Petaling, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan oleh syarikat pemaju Millennium Land Sdn. Bhd.</p> <p>Beliau turut meminta Jabatan Kejuruteraan untuk mengambil tindakan segera bagi menangan isu-isu berbangkit mengenai kemudahan infrastruktur di kawasan pembangunan tersebut.</p>

				<p><u>Maklumbalas:</u> Pengarah Bangunan memaklumkan bahawa pihak Jabatan akan mengadakan satu mesyuarat bagi membincangkan mengenai isu-isu berbangkit berhubung kawasan pembangunan ini.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Bangunan untuk mengadakan mesyuarat bagi membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

**4.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Bil. 16/2015 Bertarikh 19 Ogos 2015**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.6 m.s 9	Encik Chia Yew Ken	Mediaraya Sdn. Bhd.	Beliau memohon pihak Majlis mengkaji semula

				<p>keputusan mesyuarat ke atas Permohonan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan Bagi Cadangan Pembangunan Perniagaan 30 Tingkat Di Atas Lot 8181 (GRN 298461), SS15, Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan oleh syarikat pemaju Mediaraya Sdn. Bhd.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis akan memperhalusi isu-isu berbangkit mengenai perkara ini dan perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) yang akan datang.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

4.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 08/2015 Bertarikh 10 Ogos 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.6 m.s 5	Puan Norzaihan binti Ismail	Isu Pembinaan Longkang Di Jalan Berkat 1 Dan 5 Serta Aduan Kerosakan Jalan Aman 3	<p>Beliau mencadangkan supaya pihak Majlis memasang papan tanda yang menunjukkan had sempadan jalan milik Majlis dan jalan milik JKR bagi memudahkan Ahli Majlis kawasan untuk membuat pemantauan dan menyalurkan aduan-aduan kepada pihak yang berkenaan.</p> <p>Beliau turut mencadangkan supaya pihak Majlis menyenaraikan inventori bagi nama-nama jalan di bawah selenggaraan pihak Majlis dan jalan-jalan yang berada di bawah selenggaraan pihak JKR untuk diserahkan kepada Ahli Majlis kawasan untuk dijadikan rujukan oleh Ahli Majlis.</p>

				<p><u>Maklumbalas:</u> Pengarah Kejuruteraan bersetuju dengan cadangan ini dan perkara ini akan diambil tindakan secara berperingkat- peringkat oleh pihak Jabatan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua turut bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Kejuruteraan untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

**4.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan
Bil. 08/2015 Bertarikh 11 Ogos 2015**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

4.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 08/2015 Bertarikh 12 Ogos 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.3 m.s 6	Encik Pooi Weng Keong	Ulasan Terhadap Permohonan Lesen Perniagaan Kesihatan Rawatan Gua Sha Dan Tuina	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 08/2015 yang telah membuat ketetapan bahawa "mana-mana Pusat Penjagaan Kesihatan yang hendak menjalankan aktiviti rawatan ini perlu berdaftar dengan tiga (3) badan Pengamal Perubatan Tradisional Cina yang telah dilantik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis akan memperhalusi dan mempertimbangkan semula keputusan berhubung perkara yang telah dibangkitkan ini dan perkara ini akan dibincangkan dengan</p>

				<p>lebih lanjut di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan yang akan datang.</p> <p>Sehubungan dengan itu, Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Pelesenan untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.</p>
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Pelesenan

4.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 08/2015 Bertarikh 12 Ogos 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

4.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 08/2015 Bertarikh 18 Ogos 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

5.0 KERTAS MESYUARAT CADANGAN PINDAAN KEAHLIAN AHLI MAJLIS DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BAGI PENGGAL 2014 – 2015 (Kertas Mesyuarat Bil. 07/08/2015)

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** Kertas Mesyuarat Cadangan Pindaan Keahlian Ahli Majlis Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Perbandaran Subang Jaya Bagi Penggal 2014 – 2015.

Senarai Keahlian Ahli Majlis Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Perbandaran Subang Jaya bagi penggal 2014 – 2015 adalah seperti di lampiran 1.

Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

6.0 KERTAS MAKLUMAN KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN TEMPATAN DAN PENDENGARAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (PENGUBAHAN 2) 2020 UNTUK DIANGKAT KE MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR BAGI TUJUAN KELULUSAN DAN PEWARTAANNYA OLEH PIHAK BERKUASA NEGERI (Kertas Mesyuarat Bil. 08/08/2015)

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan memperakukan** Kertas Makluman Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan Dan Pendengaran Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya (Pengubahan 2) 2020 Untuk Diangkat Ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bagi Tujuan Kelulusan Dan Pewartaannya Oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Mesyuarat juga telah memperakukan perkara-perkara seperti berikut;

- i. Memperaku dan menerima syor-syor Jawatankuasa Siasatan Tempatan Dan Pendengaran terhadap 42 cadangan pengubahan

- zon guna tanah dan klasifikasi aktiviti kegunaan tanah serta 13 cadangan pengubahan zon guna tanah bagi tanah kerajaan, Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya (Pengubahan 2) 2020 (DRTMPSJ (P2) 2020);
- ii. Memperaku dan menerima syor-syor Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran terhadap bantahan dan cadangan yang diterima daripada orang awam ke atas 42 cadangan pengubahan zon guna tanah dan klasifikasi aktiviti kegunaan tanah serta 13 cadangan pengubahan zon guna tanah bagi tanah kerajaan;
 - iii. Bersetuju supaya syor-syor Jawatankuasa Siasatan Tempatan Dan Pendengaran ke atas bantahan dan cadangan daripada orang awam ke atas tapak-tapak yang tidak dipamerkan semasa Program Publisiti dan Penyertaan Awam DRTMPSJ (P2) 2020 tidak dipertimbangkan untuk diluluskan seterusnya diwartakan;
 - iv. Memperaku dan menerima laporan addendum DRTMPSJ (P2) 2020 yang mengandungi Pelan Guna Tanah dan Jadual Klasifikasi Aktiviti Kegunaan Tanah untuk diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bagi Tujuan Kelulusan Dan Pewartaannya Oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Tindakan : Jabatan Perancang Bandar

7.0 PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014.

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

8.0 UCAPAN PENANGGUHAN

8.1 YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.15 tengah hari.

'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'

Disediakan oleh;

.....
(ABDULLAH BIN MARJUNID), S.I.S., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN), D.P.M.S., S.M.S.
Pengerusi Mesyuarat
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA